

# PM mahu Labuan setaraf Langkawi

B.H 2SEP 1993

LABUAN, Rabu — Labuan dijangka dapat menarik lebih banyak bank asing untuk beroperasi di situ selain pelancong apabila projek Taman Kewangan bernilai RM600 juta yang kini dalam pembinaan siap pada 1995.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata dengan pembangunan infrastruktur yang pesat di pulau itu, Labuan akan setaraf dengan Langkawi tidak lama lagi.

"Saya meminta sektor swasta di Labuan mengadakan projek yang boleh menarik pelabur asing menanam modal dan beroperasi di situ," katanya kepada pemberita di akhir lawatan singkatnya di sini hari ini.

Dr Mahathir juga berkata, Labuan akan mempunyai bandar udara yang mampu menerima pesawat komersial. Beliau tidak mahu lagi manakala

dengan Hong Kong pula, ia di peringkat perbincangan mendapatkan hak mendarat.

Mengenai cadangan supaya pelancong tempatan yang melawat Labuan dibenar membeli barangan bebas cukai walaupun cuma berada selama 24 jam, Perdana Menteri berkata, perkara itu tidak dapat dilaksanakan.

"Kita mahu pelancong yang mengunjungi Labuan supaya meluangkan masa dan berbelanja di Labuan, bukan hanya membeli-belah dan terus pulang," katanya.

Baru-baru ini, Setiausaha Dewan Perniagaan Cina Labuan, Roger Tay, mencadangkan kerajaan melonggarkan peraturan yang hanya membenarkan pelancong membawa pulang barangan bebas cukai selepas berada di pulau itu lebih 72 jam.

Tay berkata, cadangan

berkenaan bertujuan meningkatkan pertumbuhan industri runcit yang dikatakan merosot berikutan kurang pelancong ke Labuan.

Mengenai konsep pertumbuhan segi tiga membabitkan Selatan Filipina, Labuan dan Sulawesi di Indonesia, Dr Mahathir berkata, cadangan itu belum terlaksana tetapi Filipina berminat meningkatkan perdagangan di antara kedua-dua negara.

Katanya, ketika ini banyak usahawan Malaysia melabur di Filipina terutama di kawasan Teluk Subic.

Ketika di sini, Dr Mahathir melawat beberapa projek yang dilaksanakan termasuk Taman Kewangan, Taman Peranginan Marina Centre berharga RM70 juta, Hotel Fabers dan Sheraton Manikar Resort.